

04 FEB 2001

Melayu-Memorandum

PERHIMPUNAN TUBUH JAWATANKUASA PERTAHAN KEPENTINGAN MELAYU

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Perhimpunan "Tak Akan Melayu Hilang di Dunia", yang dihadiri kira-kira 4,000 orang di sini petang ini, sebulat suara menubuhkan satu jawatankuasa bagi menyediakan memorandum untuk mempertahankan hak-hak orang Melayu.

Pasukan Petugas itu, yang dipengerusikan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba, diberi masa sehingga Jun ini untuk menyiapkan memorandum yang bertajuk "Kepentingan Melayu" itu yang kemudiannya akan diserahkan kepada kerajaan untuk tindakan selanjutnya.

Seramai 21 anggota lain dicadangkan menganggotai pasukan petugas itu termasuk tokoh veteran politik, ahli akademik, dan golongan profesional Melayu.

Mereka termasuk bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah, Tan Sri Ghazali Shafie, Datuk Harun Idris, Tan Sri Sanusi Junid, Tan Ahmad Sarji Abdul Hamid, Prof Diraja Ungku Aziz, Tan Sri Arshad Ayub, Tan Sri Awang Had Salleh.

Anggota lain ialah Tan Sri Zaki Tun Azmi, Tan Sri Dr Nordin Sopiee, Datuk Suhaimi Kamaruddin, Prof Datuk Dr Mahmud Zudi, Datuk Nakhaie Haji Ahmad, Tan Sri Ainuddin Wahid, Tan Sri Harun Hashim, Prof Datuk Dr Ramlah Adam, Datuk Maznah Jalil, Datuk Nordin Salleh, Khatijah Ahmad dan Datuk Hassan Ahmad.

Perhimpunan itu, yang pada asalnya dicadang diadakan secara terbuka di Kelab Sultan Sulaiman di Kampung Baru, berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini atas nasihat polis bagi mengelak berlaku perkara yang tidak diinginkan.

Sebelum ini, beberapa parti pembangkang meminta polis supaya tidak mengeluarkan permit untuk perhimpunan itu atas alasan ia boleh mengapi-apikan sentimen perkauman.

Presiden Pas Datuk Fadzil Noor menyifatkan perhimpunan itu sebagai "perkauman".

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata ada sesetengah pihak merancang untuk membuat kacau di perhimpunan itu jika ia terus diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru dan oleh itu, polis tidak membenarkan ia diadakan di tempat itu.

Katanya beliau tidak membantah perhimpunan diadakan tetapi menegaskan Umno tidak ada kaitan dengan penganjurannya.

"Kita tak bagi orang Umno mengambil bahagian, tapi ada juga orang Umno ambil bahagian... itu kita tak boleh buat apa," katanya.

Pengerusi perhimpunan itu Datuk Ibrahim Ali ketika membentangkan usul bagi penubuhan pasukan petugas itu, berkata antara isu yang perlu diketengahkan termasuk mengenai kepentingan kakitangan kerajaan, kakitangan teknikal, guru, tentera dan polis.

Golongan Melayu lain ialah petani, nelayan, peneroka dan peniaga Melayu.

Ibrahim turut menekankan tentang pentingnya soal pendidikan diberikan perhatian dalam memorandum itu termasuk kemudahan biasiswa untuk pelajar Melayu sebagai hak istimewa yang perlu terus mereka nikmati.

Perhimpunan itu, yang berlangsung secara aman, dipenuhi dengan ucapan beberapa tokoh Melayu yang diselangi dengan laungan "Hidup Melayu!".

Ia dimulakan setengah jam lewat daripada jadual asal iaitu 2 petang, berlangsung dalam suasana tidak formal, tanpa protokol, dengan semua tokoh Melayu serta mereka yang hadir duduk bersila di atas pentas dan lantai

dewan.

Antara tokoh yang hadir dan berucap ialah Tun Ghafar, Datuk Harun, bekas Ketua Pemuda Umno Datuk Suhaimi Kamaruddin, Timbalan Menteri Penerangan Datuk Khalid Yunus dan Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Suleiman Mohamed.

Turut hadir ialah bekas Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie dan veteran Umno Melaka Tan Sri Aziz Tapa.

Ghafar dan Harun, yang masing-masing masuk ke dewan pada pukul 3.15 petang dan 3.20 petang, menerima tepukan gemuruh oleh para hadirin. Harun, yang baru sembuh daripada serangan angin ahmar, terpaksa menggunakan kerusi roda.

Tokoh terakhir berucap, Ghafar, kelihatan menangis dan menahan sebak ketika memulakan ucapannya.

Beliau meminta orang Melayu bersatu untuk memastikan kelangsungan bangsa.

Ghafar mahu bangsa Melayu bukan sahaja kekal berkuasa tetapi terus menikmati kehidupan yang baik dalam semua bidang di negara sendiri.

"Tak guna kita bersatu kalau kita masih jadi pengemis di negara sendiri...kita mahu taraf hidup yang mampu bersaing dengan bangsa asing," katanya.

Ghafar juga menegaskan bahawa perhimpunan hari ini bukan bermakna Melayu ingin berperang dengan bangsa lain tetapi hanya untuk menyuarakan kebimbangan tentang masa depan dan nasib bangsa Melayu itu sendiri.

"Kita berkumpul bukan dengan tujuan perang. Orang bukan Melayu tak harus bimbang. Kita (Melayu) hanya mahu memperbaiki keadaan kita," katanya.

Suhaimi, sebelum itu dalam ucapannya, meminta kerajaan memperkenalkan semula skim biasiswa untuk pelajar Melayu bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara.

Menurutnya apa yang ada sekarang adalah pinjaman pendidikan yang perlu dibayar semula dan ini menyulitkan pelajar Melayu.

Awang Had pula mencadangkan supaya ditubuhkan Majlis Amanah Pendidikan Melayu untuk merancang dan menggerakkan usaha orang Melayu dalam bidang pendidikan.

Seorang bekas Exco Pemuda Umno Datuk Tajuddin Abdul Rahman dalam ucapannya meminta kerajaan supaya turut memberi peluang kepada syarikat-syarikat Melayu merebut peluang perniagaan, yang kini agak terhad kepada beberapa syarikat sahaja.

Secara umumnya, perhimpunan hari ini turut meminta pucuk pimpinan kerajaan mendengar rintihan dan cadangan dari peringkat bawah selain memberi perhatian terhadap soal kredibiliti kepimpinan Melayu.

-- BERNAMA

AFY MAM ZAI MOZ NAK